

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat inisiatif oleh Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan pengurusan khususnya berkaitan lantikan politik bagi meningkatkan perbelanjaan pembangunan disebabkan pendapatan negara yang mungkin terjajas disebabkan kelembapan ekonomi domestik dan global.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan-pelantikan jawatan di pejabat Anggota Pentadbiran adalah mengikut keperluan dan tertakluk kepada jumlah perjawatan yang diluluskan oleh JPA dan Kementerian Kewangan. Amalan ini sama seperti mana kerajaan sebelum ini.

Manakala jika yang berhormat maksudkan ia pelantikan penasihat atau duta khas, ia juga berdasarkan keperluan kerajaan yang sedang mentadbir iaitu bagi memastikan perjalanan pentadbiran negara adalah kemas dan lancar. Sekian, terima kasih.